

11 SEP 1996

SISTEM PEMERINTAHAN MALAYSIA DIJADIKAN CONTOH (bergambar)

KUALA LUMPUR, 11 Sept (Bernama) -- Sistem pemerintahan Malaysia yang mengamalkan antara lainnya demokrasi berparlimen tulen, kini bukan saja dicontohi oleh negara-negara membangun malah dihormati oleh negara-negara maju, kata Yang Dipertua Dewan Rakyat Tan Sri Mohd Zahir Ismail hari ini.

"Tidak ada sebarang kecacatan dalam sistem pemerintahan Malaysia dan ini dapat dibuktikan dengan kestabilan politik dan kemakmuran negara ini," katanya kepada pemberita selepas dikunjungi oleh Presiden Kebangsaan Dewan Sosialis Vietnam Nong Duc Manh.

Nong bersama delegasinya kemudian melawat Unit Perancangan Ekonomi (EPU).

Delegasi itu tiba semalam untuk lawatan rasmi lima hari. Mereka dijadual menemui Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad esok.

Dalam acara lain, naib pengerusi jawatankuasa tetap hal ehwal pentadbiran dan kehakiman Senat Thailand, Sansorn Kraichitti mengunjungi Yang Dipertua Dewan Negara Datuk Adam Kadir.

Ketika ditemui pemberita selepas perjumpaan itu, Adam berkata Thailand berhasrat untuk mempelajari perkhidmatan pentadbiran dan kehakiman di negara ini.-- BERNAMA

WE MAI